

Angka Giliran : \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2003/2004

April 2004

**JKE 214 – Ekonomi Buruh**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di atas buku soalan ini.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

...2/-



Soalan 1 (15 markah)

Terangkan dan tunjukkan secara graf maksud pampasan perbezaan upah dalam sektor X dan sektor Y. Sektor Y diandaikan dapat menyediakan kemudahan dan juga keselamatan tempat yang lebih dibanding dengan sektor X.

Soalan 2 (20 markah)

- (a) Lukiskan keluk MRPL (hasil marginal keluaran buruh) bagi pasaran keluaran persaingan sempurna dan monopoli. Kenapa wujudnya perbezaan keluk untuk kedua-dua pasaran tersebut?

(6 markah)

- (b) Jika pasaran input adalah pasaran monopsoni, dapatkan tingkat keseimbangan upah dan buruh kalau pasaran keluaran adalah monopoli.

(4 markah)

...4/-

- (c) Jika pasaran input adalah pasaran persaingan sempurna, dapatkan tingkat keseimbangan upah dan buruh kalau pasaran keluaran adalah monopoli.  
(4 markah)

- (d) Keadaan kombinasi pasaran (ii atau iii) manakah yang lebih merugikan pihak buruh? Kenapa?  
(4 markah)

- (e) Bagaimanakah campurtangan kerajaan dapat menghapuskan 'kerugian' buruh dalam jawapan (iv)?  
(2 markah)

## Soalan 3 (15 markah)

Terangkan dengan bantuan graf bagaimana polisi upah minima yang hanya memberi perlindungan kepada sesetengah pihak (katakan ladang getah A) akan membebankan pihak yang lain (seperti pekerja kebun getah berhampiran) yang tidak diberi perlindungan. Apakah kerugian yang terpaksa ditanggung hasil daripada peruntukan input buruh yang kurang efisien hasil daripada polisi tersebut?

...6/-

## Soalan 4 (15 markah)

Katakan sebuah ekonomi terdiri daripada 3 sektor: A, B dan C dan ketiga-tiga sektor ini perlukan tenaga buruh yang sama banyak. Terdapat jumlah tenaga buruh lelaki dan wanita yang sama dalam ekonomi. Polisi kerajaan ekonomi memperuntukkan sektor A dan B hanya untuk lelaki sahaja. Kesemua kaum wanita yang ingin bekerja di 'himpitkan' ke sektor C.

- (a) Apakah kesan polisi ini ke atas tingkat upah dan penggunaan buruh di ketiga-tiga sektor tersebut?

(8 markah)

- (b) Katakan sebuah kerajaan baru yang lebih efisien mengambilalih dan membenar mobiliti bebas antara buruh dalam ekonomi mengikut kebolehan dan produktiviti buruh tanpa mengira faktor jantina dan diskriminasi yang lain, apakah kebaikan bersih yang dapat dinikmati oleh ekonomi ini?

(7 markah)



Soalan 5 (20 markah)

- (a) Lukiskan graf yang menunjukkan pengangguran kitaran (pengurangan permintaan) dengan menggunakan keluk AS (agregat penawaran) dan AD (agregat permintaan).  
(6 markah)
- (b) Bagaimana kerajaan dapat menggunakan polisi fiskal dan kewangan untuk mengatasi jenis pengangguran tersebut?  
(6 markah)

- (c) Penggunaan kedua-dua polisi fiskal dan kewangan secara keterlaluan (excessively used) hanya akan membawa kepada inflasi dan peningkatan upah nominal. Bincangkan.

(8 markah)

Soalan 6 (15 markah)

Apakah perbezaan antara:

(a) inflasi tarikan permintaan dan inflasi tolakan kos?

(8 markah)

(b) pengangguaran struktur dan pengangguaran kitaran?

(7 markah)